

02/12/2000

Samy Vellu persoal tindakan polis di Lunas

SEREMBAN, Jumaat - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mempersoalkan tindakan polis mengarahkan 12 bas yang membawa penyokong Barisan Nasional (BN) ke Lunas, berpatah balik ke Butterworth selepas didesak parti pembangkang.

Sambil mendakwa polis takut kepada parti pembangkang, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata penumpang bas itu tidak sepatutnya dihalang memasuki Lunas semata-mata kerana pembangkang menuduh mereka pengundi palsu.

"Mengapa polis minta dia orang balik ... apa hak polis, saya mahu tanya IGP (Ketua Polis Negara), apa pasal satu kumpulan besar minta dia balik, dia diarah balik," katanya.

Beliau merujuk tindakan polis mengarahkan semua 12 bas itu berpatah balik selepas ditahan penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di jalan besar ke pekan Lunas pada hari pengundian pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Rabu lalu.

Dalam kejadian itu, penyokong Keadilan turut bertindak samseng memecahkan tiga cermin pintu bas itu.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis konvokesyen Kolej Tafe di Hotel Hilton di sini, hari ini, Samy Vellu juga mendakwa polis tidak bertindak terhadap pihak yang memburukkan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau bercadang membangkitkan isu kegagalan polis bertindak terhadap penyokong Keadilan, dalam mesyuarat Kabinet, minggu depan.

Menurutnya, kira-kira 3,000 penyokong Keadilan dari luar, seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, turut berkempen di Lunas sedangkan 12 bas itu hanya membawa 344 orang.

Samy Vellu berkata, polis tidak sepatutnya mengarahkan 12 bas terbabit berpatah balik kerana penumpangnya didakwa pengundi palsu.

Beliau berkata, pihaknya dan polis sudah menyiasat dan mendapati tidak ada seorang pun penumpang adalah pengundi palsu.

Katanya, Malaysia adalah negara demokrasi dan tidak ada pihak mempunyai kuasa untuk menghalang orang lain untuk pergi ke tempat yang disukainya.

Selain itu, beliau mendakwa kira-kira 25 kereta terus mengekori 12 bas itu walaupun sudah diarah berpatah balik.

Beliau berkata, kira-kira 30 kereta turut menghadang jalan masuk ke Hotel Sunway selepas bas itu memasuki kawasan hotel berkenaan.

"Kita telefon polis, satu officer (pegawai) polis datang dan dia pergi minta janganlah ... janganlah ini macam. Kalau polis tidak boleh ambil tindakan, lebih baik dia cakap, dia tidak ada kuasa, apa polis ini, takut orang Keadilan," katanya.

Samy Vellu juga mempertikaikan kegagalan polis menangkap lebih 500 orang yang membuat pelbagai kenyataan memburukkan Perdana Menteri dan kerajaan.

Sebaliknya, katanya, polis menahan enam kanak-kanak yang memberi cakera padat video (VCD) atau CD-Rom mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, taktik yang digunakan Keadilan untuk memenangi pilihan raya kecil itu telah membuka mata BN.

Katanya, Keadilan telah mendedahkan strategi yang bertentangan dengan prinsip demokrasi, seperti menutup jalan dan menghalang pengundi mengundi.

Samy Vellu berkata, Keadilan juga menang kerana menggunakan sentimen

agama dan perkauman secara berleluasa.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan kekalahan BN sebagai sementara dan yakin dapat merampas semula DUN Lunas dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, MIC tidak bercadang membuat bedah siasat kekalahan calon BN dari parti itu pada pilihan raya kecil itu.

"MIC tidak payah buat post mortem. Kita tahu, saya sudah ada sana 14 hari. Saya tahu siap bantu, siapa tidak bantu. Saya juga tahu bagaimana menghadapi kawasan ini pada masa akan datang," katanya.

(END)